

11

Memupuk Minat Menulis Dalam Kalangan Murid Melalui Kaedah *Choice Board*

Sekolah Rendah Opera Estate



Nuraihan Abdul Subhan

nuraihan_abdul_subhan@schools.gov.sg



Nur Farah Mohamad Shukor

nur_farah_mohamad_shukor@
schools.gov.sg

Abstrak

Kemahiran menulis merupakan kemahiran tahap yang paling tinggi dalam kemahiran berbahasa kerana murid perlu mengaplikasikan pengetahuan bahasa dan kematangan bagi menghasilkan suatu bentuk pemahaman dalam bentuk tulisan. Murid didapati kurang berminat untuk menulis kerana tidak melihat kerelevanannya. Murid menghadapi kesukaran untuk melakukan aktiviti menulis kerana lebih terdedah kepada penggunaan peranti yang tidak memerlukan murid untuk menulis. Penguasaan bahasa yang lemah dan kosa kata yang terhad juga menjadi hambatan bagi proses penjaan dan penghasilan idea dalam kalangan murid. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan minat murid untuk menulis melalui kaedah '*Choice Board*'. Kaedah ini membenarkan murid untuk memilih aktiviti yang murid rasakan sesuai dan boleh murid lakukan. Dengan itu, murid mampu menunjukkan kebolehan murid dalam bentuk penulisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti dan usaha yang dijalankan telah memupuk dan merangsang minat murid dalam pembelajaran penulisan.

Kata Kunci: memupuk minat, penulisan, *Choice Board*



PENGENALAN

Setiap guru sedar bahawa membina kemahiran menulis dalam kalangan murid merupakan satu cabaran. Guru harus memberikan bimbingan kepada murid yang mengalami pelbagai masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, guru mencari pelbagai kaedah untuk menggalakkan murid menguasai bahasa Melayu dengan baik dan menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat. Penguasaan kosa kata juga merupakan antara masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini mungkin disebabkan beberapa perkara seperti kurang pendedahan kepada bahasa Melayu di rumah, kurang membaca dan sebagainya.

Ramai murid tidak menunjukkan minat untuk menulis. Kajian ini memperkenalkan *Choice Board* kepada murid bagi membantu meningkatkan minat murid-murid terhadap penulisan.

Penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) penting dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dirancang. Aspek Pengajaran (AP) 'Memperkasakan Pelajar' dalam 'Proses Pengajaran Budaya Positif di dalam Bilik Darjah' merupakan satu perkara asas yang telah diterapkan dari awal tahun. Bagi kajian pembelajaran ini, profil dan minat murid telah diambil kira dalam menetapkan objektif pengajaran dan aktiviti penulisan yang akan dijalankan.

Kajian ini menggunakan kaedah pengajaran pembezaan dan juga berpandukan rutin berfikir iaitu 'Lihat-Fikir-Tanya' dan '*I Do, We Do, You Do*' serta teknik penyoalan. Penggunaan soalan dapat memperdalam pemahaman murid, menjana pemikiran murid sebelum memberi peluang kepada murid untuk membuat aktiviti secara sendiri. Guru menggunakan kaedah-kaedah ini dalam pengajaran secara eksplisit agar murid dapat melihat keberkesanan rutin berfikir ini sebelum membuat keputusan sendiri bagi mengetahui dan menyedari apa yang mereka perlu capai daripada aktiviti menulis yang dilaksanakan.



PERNYATAAN MASALAH

Murid sering menghadapi kesukaran melakukan aktiviti menulis kerana kurang motivasi diri dan tidak yakin akan kemampuan mereka sendiri. Penguasaan bahasa yang lemah dan kosa kata yang terhad juga menjadi hambatan dalam

proses penulisan. Sememangnya tugas penulisan merupakan tugas kognitif yang paling mencabar yang melibatkan banyak proses. Dari tahun 70-an ke tahun 80-an, pemerhatian telah dibuat untuk mengalih fokus 'produk' pengajaran penulisan kepada 'proses' yang dijalankan untuk menghasilkan satu karya penulisan.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat dalam pengajaran Bahasa Melayu, murid didapati tidak berminat untuk menulis. Murid mengambil masa yang lama untuk mula menulis dan memperlihatkan emosi yang pelbagai sehingga menjejaskan emosi murid untuk berfikir secara kreatif dan imaginatif. Murid berasa agak sukar untuk menjana idea dalam bahasa Melayu. Lantas, kepayahan ini menyebabkan guru berusaha merangsang minat murid untuk mencuba dan melibatkan diri baik dalam perbincangan mahupun pelaksanaan aktiviti pramenulis. Guru sememangnya mengalami kesukaran mengajar aktiviti penulisan di dalam bilik darjah.

Kajian ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi proses pembelajaran berpusatkan murid dalam penulisan. Fokus pengajaran dengan penggunaan *Choice Board* bertujuan untuk mendedahkan murid kepada pelbagai jenis penulisan. Guru berusaha untuk menyediakan pilihan yang dapat memupuk minat murid untuk menulis.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan *Choice Board* dalam memupuk minat murid dari pelbagai profil yang berbeza untuk menulis;
2. merangsang murid berfikir secara kreatif dalam bentuk penulisan yang murid ingin ceburi; dan
3. meningkatkan keseronokan dan keterlibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

Baptiste Barbot (2011) menyatakan bahawa penulisan ialah satu proses yang berulang dan melibatkan kemahiran kognisi dan metakognisi bagi menghasilkan pencapaian akademik dan vokasional. Mendidik murid dalam penulisan mendorong murid mewujudkan daya imaginasi murid dalam bentuk

penulisan. Ini akan menjadi sebahagian daripada proses kreativiti yang dapat membantu dalam semua komponen penulisan murid.

Janet Emig (1971) merupakan pengkaji penulisan yang pertama yang menggunakan kaedah berfikir secara lantang (*Think Aloud method*) dalam tugasnya untuk mengajar proses menulis kepada muridnya yang berada di Tingkatan 12. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang biasa digunakan untuk mengetahui proses pemikiran seseorang penulis. Melalui kaedah ini, para pengkaji mendapat maklumat yang mendalam tentang kelakuan penulis dan strategi penulisan murid.

Avi Assor, Haya Kaplan dan Guy Roth (2002) juga menyatakan bahawa memberi pilihan kepada murid akan menjadikan mereka lebih bersemangat dan bermotivasi untuk belajar. Dengan itu, guru memberikan pilihan kepada murid melalui *Choice Board* supaya murid dapat memilih genre yang paling mereka minati untuk aktiviti menulis. Dengan pilihan ini, guru berharap murid akan lebih berminat untuk melakukan aktiviti menulis.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini berbentuk eksperimental. Kajian ini merupakan hasil tinjauan dan pengamatan guru di dalam kelas. Selain meneliti hasil kerja murid, pemantauan guru terhadap respons murid turut diambil kira.

Amalan Pengajaran Singapura yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan kepada perkara berikut.

Jadual 1. Penerapan Amalan Pengajaran Singapura dalam Kajian

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan bahan-bahan yang pelbagai untuk membangkitkan minat murid. Bahan-bahan yang dipilih dapat membantu menyumbang kepada pembinaan pengalaman pembelajaran murid. Apabila motivasi murid diaktifkan, murid akan menunjukkan minat dan berusaha untuk mengetahui matlamat tugas yang diberikan.

	AP5: Memperkasakan Pelajar	AM1: Murid diberi pilihan untuk memilih genre cerita yang ingin ditulis. Murid akan didedahkan kepada pelbagai aktiviti penulisan dan murid dapat memilih bentuk yang ingin terokai. Guru tidak akan membataskan pilihan yang disediakan mengikut cara pembelajaran mahupun keupayaan murid.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM4: Kongsi Pembelajaran Saya Guru mendapatkan murid untuk berkongsi hasil kerja murid. Guru dan rakan-rakan sekelas akan memberikan maklum balas tentang hasil kerja murid.
	AP 24: Menyediakan Tugas yang bermakna	AM3: Guru mengajar format yang mudah untuk menghasilkan karya penulisan mengikut minat dan keselesaan murid.
Penerangan dan Justifikasi	Penggunaan pelbagai bahan pengajaran seperti keratan surat khabar, poster, termasuk peralatan ICT seperti iPad dapat merangsang minat murid untuk memilih aktiviti menulis yang diminati dan ingin diterokai. Peluang untuk mencuba tanpa dinilai memberi keselesaan dan keyakinan kepada murid daripada pelbagai tahap keupayaan untuk memberanikan diri melibatkan diri dalam aktiviti menulis. Untuk menjadikan pelajaran lebih bermakna, tugas yang diberikan melibatkan setiap murid dan berkait rapat dengan proses pembelajaran yang dilalui murid.	

Subjek Kajian

Subjek kajian ini melibatkan murid Darjah 5 yang terdiri daripada pelbagai aras keupayaan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 35 orang murid termasuk 5 orang murid yang bukan berbangsa Melayu dan beberapa murid yang menghadapi masalah pembelajaran yang dikenali sebagai Disleksia. Ramai murid didapati menghadapi kesukaran menghasilkan tugas bertulis yang baik dan bermutu kerana memiliki pengetahuan dan penguasaan kosa kata yang terhad.

Instrumen Kajian


Instrumen Kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Rubrik Ujian Diagnostik bagi mengetahui minat dan pandangan murid terhadap penulisan;

2. Kemahiran Bahasa yang terdiri daripada aspek-aspek bahasa yang ditekankan kepada murid sebagai sebahagian daripada proses penulisan; dan
3. Aplikasi Choice Board yang terdiri daripada pelbagai aktiviti menulis.

Satu kajian diagnostik telah diberikan kepada murid untuk mendapatkan respons mereka terhadap kecenderungan dan kesediaan murid terhadap penulisan. Hasil kajian ini digunakan untuk menyediakan bahan pengajaran yang berfokus kepada kesesuaian profil murid. Guru menerangkan secara eksplisit jenis-jenis aktiviti menulis agar murid dapat memilih dengan bijak. Hasil ujian diagnostik ini menunjukkan ramai murid yang berperasaan negatif apabila disuruh untuk melakukan aktiviti menulis sebagai contoh malas, takut, bosan dan lain-lain lagi.

Rajah 1. Peratusan Reaksi/ Perasaan Murid Pascakajian



Prosedur Kajian

Bahan-bahan yang disediakan untuk memupuk minat murid untuk menulis termasuk mendedahkan murid terhadap artikel surat khabar, menulis cerita misteri, membuat komik dan lain-lain lagi. Murid diberikan peluang dan ruang untuk melakukan aktiviti menulis yang mereka suka dan ingin terokai. Murid diberikan pilihan untuk melaksanakan aktiviti penulisan. Hal ini sebenarnya

menyokong usaha untuk memperkasakan murid dengan memberikan pilihan dan peluang untuk berkongsi idea dengan rakan-rakan mereka.

Contohnya, dengan menggunakan artikel surat khabar, secara tidak langsung, murid yang langsung tidak pernah membaca surat khabar bahasa Melayu terdorong untuk membaca bersama kawan-kawan kerana murid tidak pernah membeli atau membaca surat khabar di rumah, baik dalam bentuk naskhah bercetak mahupun dalam talian. Diharapkan dengan memberikan pilihan dan penerangan yang jelas tentang objektif aktiviti menulis yang murid lalui, minat murid terhadap penulisan akan meningkat.

Rutin berfikir '**I DO, WE DO, YOU DO**' sebelum murid diberikan masa dan ruang untuk memilih aktiviti menulis, guru terlebih dahulu menjalankan aktiviti rutin berfikir. Sebelum sesi belajar, guru mengemukakan beberapa soalan tentang tujuan menulis. Murid diajak memberikan sumbang saran dan berkongsi pandangan tentang sebab seseorang itu menulis dan jenis-jenis penulisan. Di peringkat ini, salah tanggap murid tentang penulisan diperbetulkan. Murid juga diberikan penerangan tentang pentingnya untuk memiliki kemahiran menulis sebagai kemahiran hidup yang perlu dikuasai.

Guru akan berkongsi pelbagai konteks, memberikan murid gambaran yang luas tentang kepentingan kemahiran menulis dalam kehidupan seseorang untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Murid dimaklumkan bahawa cara kemahiran menulis murid akan mempengaruhi mereka untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Pusingan 1: Memupuk Minat

Untuk memulakan sesi belajar, guru mengemukakan beberapa soalan rangsangan untuk memupuk minat murid untuk berfikir tentang sesuatu topik perbualan.

Pusingan 2: (Saya Lakukan – Guru – I Do)

Setelah diberikan penerangan dan contoh-contoh yang sesuai, guru menunjukkan satu contoh aktiviti menulis kepada murid dengan cara pemikiran lantang atau *think aloud*.

Pusingan 3: (Kita Lakukan – Guru bersama murid – We Do)

Beberapa orang murid diminta untuk memilih aktiviti menulis yang diminati mereka. Setiap pandangan yang diberikan murid itu dicatat guru lalu dikongsi

bersama kelas agar murid dapat belajar daripada satu sama lain, bersikap kritikal mahupun memberikan pendapat yang bernas dan membantu untuk memperdalam pembelajaran. Murid juga diingatkan untuk bersikap terbuka, mempunyai minda yang positif untuk menerima maklum balas dan cadangan kawan-kawan serta menghargai idea kawan serta mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan yang sama yang dilakukan oleh murid lain.

Rajah 2. Contoh Aktiviti Penulisan yang Dijalankan

Sila pilih satu aktiviti menulis

Tema: Kemalangan Jalan Raya

Kamik
Kamu boleh memilih untuk melukis atau menggunakan aplikasi Pixton untuk membuat komik. Kamu harus ada sekurang-kurangnya 6 panel.

Laporan
Laporan kamu harus mengandungi **APSIDIRIBAM**. Gunakan perkataan/frasa yang telah dipelajari seperti 'dikejar-kan ke hospital', 'mangsa', 'disyak' dan lain-lain.

Misteri
Harus ada unsur seram / menakutkan. Pembaca harus berasa takut pada akhir cerita.

Jurnal
Jurnal kamu boleh ditulis dari sudut pandang mangsa, saksi, pihak polis dan lain-lain.

Kehidupan (haiwan/benda)
Kamu boleh menulis dari sudut pandang haiwan yang melihat kemalangan itu atau kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut.

Pusingan 4: (Kamu Lakukan – Giliran murid – You Do)

Murid diberikan tempoh masa yang secukupnya bagi memilih aktiviti menulis yang ingin mereka terokai, menerangkan kriteria atau kehendak tugas yang akan dijalankan serta harapan guru terhadap pelaksanaan tugas tersebut. Setelah murid menyelesaikan tugas, guru akan bersoal jawab dengan murid tentang tugas yang dilaksanakan untuk memahami dengan lebih jelas lagi pemikiran dan sikap murid terhadap tugas penulisan yang dihasilkan. Guru juga boleh menggalakkan murid untuk berkongsi idea dengan rakan sebaya secara berpasangan atau berkumpulan. Penilaian rakan sebaya sangat penting sebelum penilaian guru kerana ia berhasil untuk meningkatkan keyakinan murid terhadap usaha yang mereka laksanakan.

Di dalam bilik darjah, murid perlu berasa yakin dengan keupayaan intelektual masing-masing. Prestasi pelajaran murid dipengaruhi perasaan


yakin diri kanak-kanak itu. Guru akan memberikan maklum balas secara lisan dan juga tulisan kerana maklum balas adalah salah satu perbuatan yang dapat berfungsi sebagai pengukuh positif yang berkesan.

Semasa pengajaran, teknik penyolalan iaitu mengepam telah digunakan untuk menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam terhadap idea-idea terkini semasa murid menulis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Rajah 3 merupakan contoh respons murid melakukan aktiviti menulis dengan menggunakan artikel surat khabar, sambil menggunakan kata tanya 'Apakah', 'Siapakah', 'Bilakah', 'Di manakah', 'Mengapakah' dan 'Bagaimanakah'.

Rajah 3: Contoh Hasil Kerja Menulis Murid Menggunakan Artikel Surat khabar



Rajah 4: Contoh Aktiviti Menulis Melalui Komik



Rajah 5: Contoh Respons Murid Melakukan Aktiviti Menulis Melalui Cerita Misteri.

lana. Dia terkejut apabila melihat Dia membuka pintu
 makmal komputer dan ternampak mayat dengan darah
 kering di lantai. Hati Shaimaa bagai hendak putus
 apabila melihat lembagan aneh. Shaimaa membuka

Jadual 2: Maklum Balas Murid Terhadap Pelbagai Aktiviti Menulis Yang Murid Terokai

No	Maklum Balas	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju
1	Saya boleh menulis genre cerita yang berbeza dengan yakin.	10 (27.8%)	14 (38.89%)	12.(33.31%)
2	Saya dapat membina soalan-soalan APSIDIBIBAM menggunakan artikel surat khabar.	21 (58.33%)	10 (27.8%)	5 (13.87%)
3	Saya dapat membuat komik yang menarik.	29 (80.56%)	5 (13.89%)	2 (5.55%)
4	Saya berasa seronok melakukan aktiviti menulis.	22 (61.11%)	6 (16.67%)	8 (22.22%)

Jadual 2 menunjukkan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Berdasarkan maklum balas yang diberikan, 66.69% murid boleh menulis dengan lebih yakin. 86.13% murid mampu membina soalan-soalan yang relevan. 94.45% murid mampu membina komik yang menarik sekali gus menunjukkan tahap keyakinan murid dalam melaksanakan tugas yang diminta. 77.71% murid pula didapati berasa seronok melakukan aktiviti menulis. Rajah 1, 2 dan 3 yang dipaparkan pula menunjukkan respons positif murid terhadap kaedah-kaedah menulis yang disediakan untuk meningkatkan minat mereka terhadap penulisan. Dapatan daripada maklum balas menunjukkan murid berasa teruja dan mendapat galakan untuk meneroka pelbagai jenis aktiviti menulis agar murid tidak melihat tugas menulis sesuatu yang susah, membosankan dan menakutkan.

Murid jelas menunjukkan keinginan dan minat untuk mencuba pelbagai genre dalam aktiviti menulis.

KESIMPULAN

Secara tuntas, tidak dapat dinafikan bahawa usaha untuk menggalakkan murid untuk lebih berminat untuk menulis bukanlah semudah yang dirancang, namun ternyata usaha tersebut dapat membuahkan hasil kerana murid berasa bersemangat untuk mencuba menulis menerusi pelbagai aktiviti yang telah didedahkan kepada murid.

Pendekatan yang autentik, persekitaran yang tidak menakutkan malah menggalakkan telah memberi motivasi kepada murid untuk keluar daripada lingkaran keselesaan murid dan cuba sesuatu yang baharu ataupun selama ini tidak difikirkan kerana dianggap payah atau mustahil. Matlamat untuk menarik minat murid untuk menulis akan terhasil selagi murid faham dan percaya akan pentingnya kemahiran menulis dalam sepanjang kehidupan murid.

RUJUKAN

Abdel Latif, M. M. (2008). *Assessing the writing process*. In C. Coombe; A. Jendli & P. Davidson (Eds.). *Teaching writing skills in English: Theory, research and pedagogy*, pp. 100-115. Dubai: TESOL Arabia Publications.

Abdullah Hassan, Ainon Mohd, Edisi kemas kini (2005) *Guru sebagai pendorong dalam darjah*, Kuala Lumpur, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Nik Safiah Karim, *Bimbingan Pelajar Bahasa Kita Jilid 1 dan 2*, K publishing Sdn Bhd 2003

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura Kementerian Pendidikan Singapura *Seminar Bahasa Melayu 2019*, Amalan Pengajaran Bahasa Melayu Di Singapura, Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.